



KERATAN AKHBAR

| | | | | | |
|--------------|---|------------------|------------|---|----|
| SURAT KHABAR | : | UTUSAN MALAYSIA | | | |
| TARIKH | : | 30/4/2021 | MUKA SURAT | : | 36 |
| JABATAN | : | TNB | | | |
| KLASIFIKASI | : | PERHATIAN | | | |

TNB teruskan tradisi bingkisan kuih raya

Utusan Malaysia - Ekonomi 30/4/2021 m/s 36

PETALING JAYA: Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerusi Persatuan Wanita TNB (Pelitawanis) meneruskan tradisi menghargai warga kerjanya yang akan bertugas pada 1 Syawal nanti, dengan penyediaan dan agihan kuih raya.

Menurut TNB, kuih raya itu akan diagihkan kepada warga kerja TNB di Semenanjung dan Sabah yang diaduakan bertugas secara gilirian atau tunggu sedia pada Hari Raya pertama.

Jelasnya, meskipun masih berdepan dengan situasi pandemik Covid-19, Pelitawanis bersama enam cawangan sekitar Lembah Klang telah menyediakan 10,409 pek bingkisan kuih raya, berbanding 10,260 tahun lalu.

Yang Dipertua Pelitawanis TNB, Datin Noor Aizah Abd. Karim berkata, tugas penyediaan bek bingkisan disempurnakan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang digariskan kerajaan dan syarikat.

"Ini termasuk memakai pelutup muka serta mengambil bacaan suhu badan ahli persatuan sebelum dibenarkan membungkus kuih.

"Penyediaan bingkisan bermula sejak 14 April lalu dijangka selesai 30 April, dan ia akan



AHLI Persatuan Pelitawanis TNB menyediakan 10,409 bingkisan kuih raya yang akan diagihkan kepada warga kerja TNB di Semenanjung dan Sabah yang bertugas pada 1 Syawal nanti di Kuala Lumpur.

diagihkan secara berperingkat bermula 3 Mei," katanya dalam kenyataan.

Menurut TNB, tradisi penyediaan dan pembungkusan bing-

kisan raya telah dilakukan melalu Pelitawanis sejak 2005.

Ia tanda penghargaan kepada warga kerja yang bertungkus-lumus memasikan bekalan ele-

mentrik kekal selamat dan stabil sepanjang Aidilfitri, khususnya ketika negara masih berhadapan dengan pandemik Covid-19, katanya.